

# \$3b bina pusat bandar kedua

B.H. 16 SEP 1992

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur bernilai \$3 bilion yang disifatkannya sebagai pembangunan berwawasan ke arah menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri berkata, projek itu yang bertujuan mewujudkan sebuah bandaraya di tengah bandaraya Kuala Lumpur, harus menjadi kebanggaan rakyat kerana ia adalah usaha kebangsaan yang penting.

Menurutnya, projek itu juga membolehkan Malaysia menyediakan asas penting bagi menentukan Kuala Lumpur dibangunkan sebagai bandaraya berpotensi menjadi metropolis utama di peringkat antarabangsa.

"Pembangunan Pusat Bandar Kuala Lumpur memanglah tidak boleh dinafikan satu usaha paling besar daripada sektor swasta. Ia juga satu pembangunan hartanah antara yang terbesar di dunia.

"Selain itu, pembangunan ini juga simbolik kerana ia mencerminkan komitmen kita kepada kejayaan dan kecemerlangan Pusat Bandar Kuala Lumpur. Lebih penting ia memperlihatkan satu identiti yang menyerlahkan satu budaya pelbagai kaum," katanya ketika melancarkan projek itu di sini hari ini.

Projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dilaksanakan secara berperingkat di kawasan 40 hektar di tapak Padang

Lumba Kuda Jalan Ampang di sini. Ia dimajukan oleh Kuala Lumpur City Centre Berhad (KLCC) dipengerusikan Tan Sri Azizan Zainul Abidin, yang juga Presiden Petronas. KLCC ialah anak syarikat Seri Kuda Sdn Bhd.

Pusat Bandar Kuala Lumpur dijangka mengambil masa di antara 15 dan 20 tahun dengan fasa pertama dimulakan akhir tahun ini.

Menurut Dr Mahathir, pembangunan Pusat Bandar Kuala Lumpur meletakkan negara pada tahap sesuai serta menyediakan diri untuk melangkah ke depan bagi menempuh abad ke-21.

Katanya, adalah penting bagi Malaysia menentukan supaya asas infrastruktur yang utama dibina selaras dengan perancangan penubuhan satu metropolis terkenal di peringkat antarabangsa.

"Pembangunan yang melambangkan ciri budaya Malaysia ini berpotensi menarik lebih ramai pelancong ke negara kita," katanya.

Dr Mahathir berharap projek itu dicontohi semua sektor swasta kerana ia mencerminkan usahasama gabungan di antara agensi kerajaan dan swasta.

Menurutnya, melalui idea inovatif dan kreatif, sektor swasta boleh merancangkan satu idea untuk menjadikannya satu kenyataan manakala kerajaan memberi sokongan dan galakan.

**DATUK BANDAR BARU KL: MUKA 2**